

18/07/2005

Zainuddin-Rafidah

ZAINUDDIN MAIDIN MINTA RAFIDAH MOHON MAAF SECARA TERBUKA KEPADA DR MAHATHIR

SUNGAI PETANI, 18 Julai (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz disaran supaya memohon maaf secara terbuka kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung kenyataannya "yang agak tidak disenangi" melibatkan isu permit import (AP) kereta baru-baru ini.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata Rafidah wajar memohon maaf kepada Dr Mahathir sebelum Perhimpunan Agung Umno ke-56 di Kuala Lumpur yang bermula malam esok.

"Datuk Seri Rafidah didapati memberi jawapan yang menyinggung perasaan Dr Mahathir apabila bekas Perdana Menteri itu mencadangkan nama mereka yang mendapat AP didedahkan secara terperinci kepada umum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat pos mini Bukit Selambau di pekan Bukit Selambau dekat sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada isu AP akan dibangkitkan pada Perhimpunan Agung Umno kali ini.

Zainuddin berkata beliau kecewa kerana Rafidah mendedahkan anak Tun Dr Mahathir sendiri memiliki AP untuk mengimport kereta Porsche sedang menteri itu menjelaskan kerajaan tidak akan mendedahkan nama pemegang AP kerana ia bukan dasar kerajaan dan tidak pernah dilakukan sebelum ini.

Baru-baru ini, Dr Mahathir yang juga Penasihat Proton, melahirkan kebimbangan dengan pengeluaran permit yang terlalu banyak sehingga mengancam industri automotif negara.

AP dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi membolehkan kereta pasang sepenuhnya (CBU) dibawa masuk ke negara ini. Ketika ini, terdapat 116 pemegang AP dengan 31 daripadanya merupakan pemegang francais tunggal bagi mengimport dan mengedar kereta asing di negara ini.

Di ibu negara hari ini, Rafidah berkata beliau berharap surat yang dihantar olehnya kepada Dr Mahathir baru-baru ini akan menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

"Bagi saya...(perkara) itu selesailah, kerana dah terangkan habis, jelas, terperinci. Saya berharap dengan penjelasan itu tidak timbul lagilah," katanya merujuk kepada isu-isu melibatkannya dan kementerian beliau yang dipertikaikan oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAN MAI